

Budak 3 tahun dikhuatiri lemas

D UNGUN: "Adik tak minum susu, adik sudah besar nak sekolah," itulah kata-kata terakhir Durani Arfah Masrol, 3, yang dikhuatiri lemas selepas terjatuh ke dalam longkang besar di Kampung Seberang Pintasan, dekat sini, petang kelmarin.

Kanak-kanak malang itu berkata demikian kepada ibunya Afizah Abd Rashid, 28, yang sedang menyimpan susu baru dibeli ke almari di rumah mereka, kira-kira jam 9 pagi.

Afizah berkata, selepas menyediakan hidangan tengah hari, dia mendapati ketiga-tiga anaknya tiada di rumah dan tidak menjangka sesuatu yang buruk kerana mereka biasa bertandang ke rumah jiran yang juga pengasuh Durani Arfah selain tidak pernah bermain jauh termasuk di tepi longkang besar depan rumah.

Dalam kejadian jam 12.39 tengah hari itu, anak bongsu daripada tiga beradik berkenaan hilang dipercayai jatuh ke longkang besar sebelum operasi mencari dan menyelamatkan dilancarkan, tetapi masih belum menemui mangsa sehingga jam 5 petang semalam.

"Hati saya mula gelisah apabila mendapati hanya dua anak pulang. Gerakan mencari bersama penduduk kampung menemui selipar dan payung milik arwah di tepi longkang 50 meter dari rumah," katanya.

Katanya, Durani Arfah yang akan memulakan pengajian prasekolah ada mencuba seragamnya dan memperaga di depan cermin sambil memaklumkan tidak sabar lagi untuk ke sekolah.